

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 26 Januari 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 2/2026

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pegawai Tadbir (Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI PELAJAR
DALAM BENTUK SALINAN LEMBUT KEPADA PERPUSTAKAAN UKM**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat ke-524 pada 29 Oktober 2025 telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Penyerahan Tesis/Disertasi Pelajar Dalam Bentuk Salinan Lembut Kepada Perpustakaan UKM.

3. Garis panduan ini boleh dirujuk dan diguna pakai oleh Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) dalam menguruskan penyerahan tesis/disertasi pelajar versi akhir dalam bentuk salinan lembut ke dalam repositori Perpustakaan UKM secara sistematik dan berkesan.
Pemakaian garis panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 27 Januari 2026.

...2/-



4. Sehubungan itu, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya dengan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan di Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Sekian, kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Penasihat Undang-undang,
Pejabat Penasihat Undang-undang
 - Ketua Pustakawan
Perpustakaan UKM
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Professional (UKMShape)
 - Pengarah,
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti UKM)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik
 - Ketua Bahagian Hasil,
Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari

-2-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

TARIKH KELULUSAN

(a) Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) ke-305 pada 10 September 2025 dan Mesyuarat Senat ke-524 bertarikh 29 Oktober 2025 telah memperakukan dan meluluskan **Garis Panduan Penyerahan Tesis/Disertasi Pelajar dalam Bentuk Salinan Lembut** kepada Perpustakaan UKM.

GARIS PANDUAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI PELAJAR DALAM BENTUK SALINAN LEMBUT KEPADA PERPUSTAKAAN UKM

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan proses penyerahan tesis/disertasi pelajar versi akhir dalam bentuk salinan lembut ke dalam repositori Perpustakaan UKM dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Ia juga bertujuan untuk membudayakan konsep tesis/disertasi akses terbuka dan meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan pelajar UKM.

2.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua pelajar sarjana penyelidikan secara penyelidikan dan/atau mod campuran; dan pelajar Ijazah Kedoktoran (PhD) mod penyelidikan dan mod campuran UKM yang perlu menyerahkan tesis/disertasi versi akhir mereka sebagai sebahagian daripada keperluan akademik untuk pengijazahan.

3.0. TAFSIRAN

“akses terbuka”	ertinya ketersediaan bahan terbitan dalam talian yang diberikan secara umum tanpa sebarang sekatan;
“disertasi”	ertinya dokumen penyelidikan asli versi akhir yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Sarjana secara penyelidikan dan/atau mod campuran;
“embargo”	ertinya tempoh masa di mana akses kepada tesis/disertasi dihadkan selama dua (2) tahun atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kerahsiaan atau hak cipta;
“hak cipta”	ertinya hak eksklusif yang diberikan kepada penulis atau pencipta karya asli untuk mengawal pengedaran dan penggunaan karya berkenaan oleh pihak lain;
“metadata”	ertinya maklumat asas mengenai tesis/disertasi seperti tajuk, pengarang, tarikh, dan abstrak yang digunakan untuk tujuan pengindeksan dan pencarian;
“mod campuran”	ertinya suatu program pengajian yang mempunyai komponen kerja kursus dan penyelidikan;
“mod penyelidikan”	ertinya suatu program pengajian yang memfokuskan kepada penyelidikan;
“pelajar”	ertinya seseorang pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti pengajian siswazah di Universiti bagi suatu program;

“penyelia bersama”	ertinya seseorang staf akademik Universiti atau staf akademik dari luar Universiti atau pakar dari luar Universiti yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia Utama (jika berkenaan) untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar;
“penyelia utama”	ertinya seseorang staf akademik Universiti yang dilantik secara individu atau untuk mengetuai kumpulan dua (2) orang penyelia atau lebih untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar;
“penyelia”	ertinya seseorang staf akademik Universiti atau staf akademik dari luar Universiti atau pakar dari luar Universiti yang dilantik untuk menyelia penyelidikan, penyediaan disertasi/tesis dan membimbing serta menilai pengajian pelajar yang boleh terdiri daripada Penyelia Utama dan/atau Penyelia Bersama atau Jawatankuasa Penyeliaan;
“program”	ertinya struktur pengajian Ijazah Sarjana atau Kedoktoran dalam bidang pengkhususan tertentu;
“rahsia”	ertinya tesis/disertasi versi akhir yang mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972;
“repositori Perpustakaan UKM”	ertinya pelantar digital yang diuruskan oleh Perpustakaan UKM untuk menyimpan, mengarkib, dan menyediakan akses kepada bahan-bahan akademik;
“salinan lembut”	ertinya tesis/disertasi versi akhir dalam bentuk PDF yang boleh diakses secara elektronik;
“terhad”	ertinya tesis/disertasi versi akhir yang mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan;
“tesis /disertasi akses terbuka”	ertinya tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan;
“tesis /disertasi bersatus cemerlang”	ertinya tesis/disertasi versi akhir yang telah diperakukan sebagai berstatus cemerlang oleh Senat UKM;
“tesis”	ertinya dokumen penyelidikan asli versi akhir yang disediakan dan dihantar oleh pelajar bagi penganugerahan Ijazah Kedoktoran mod penyelidikan dan mod campuran;

4.0. KRITERIA PENYERAHAN TESIS/DISERTASI SALINAN LEMBUT VERSI AKHIR (SELEPAS PEMBETULAN) KEPADA PERPUSTAKAAN UKM

4.1. Format, Struktur dan Saiz Fail Tesis/Disertasi Salinan Lembut

- i) **Format Fail:** Tesis/disertasi versi akhir perlu disimpan dalam format PDF tanpa sekatan seperti kata laluan atau tera air (watermark).
- ii) **Struktur Fail:** Tesis/disertasi perlu mengikut Garis Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM terkini.
- iii) **Saiz Fail:** Fail PDF tidak boleh melebihi 100MB.

4.2. Penetapan Tahap Akses Tesis/Disertasi oleh Pelajar

- i) Pelajar perlu mengisytiharkan penetapan tahap akses tesis/disertasi melalui **Borang dan Senarai Semak Penyerahan Tesis Selepas Pembetulan (UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07)** seperti di **Lampiran A**.
- ii) Pelajar perlu memilih **hanya satu (1)** daripada empat (4) tahap akses tesis/disertasi versi akhir seperti berikut:

TAHAP AKSES	TAFSIRAN	TANGGUNGJAWAB PERPUSTAKAAN
RAHSIA	Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.	Tesis/disertasi versi akhir disimpan dalam repositori Perpustakaan UKM dengan had akses tertakluk kepada AKTA RAHSIA RASMI 1972.
TERHAD	Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan.	Tesis/disertasi versi akhir disimpan dalam repositori Perpustakaan UKM dengan had akses kepada halaman muka depan sehingga Bab 1 dan senarai rujukan sahaja.
AKSES TERBUKA/ TIDAK TERHAD	Ketersediaan bahan terbitan dalam talian yang diberikan secara umum tanpa sebarang sekatan.	Tesis/disertasi versi akhir disimpan dalam repositori Perpustakaan UKM dengan akses penuh.

TAHAP AKSES	TAFSIRAN	TANGGUNGJAWAB PERPUSTAKAAN
EMBARGO	Tempoh masa di mana akses kepada tesis/disertasi disekat (ditutup) selama dua (2) tahun atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kerahsiaan atau hak cipta. Tesis/disertasi akan berstatus akses terbuka selepas tamat tempoh embargo.	Tesis/disertasi versi akhir disimpan dalam repositori Perpustakaan UKM dengan larangan atau sekatan kepada teks penuh untuk tempoh dua (2) tahun.

4.3. Kriteria Penyerahan Tesis/Disertasi kepada Perpustakaan UKM

- i) Urus Setia Siswazah Fakulti/Institut menyerahkan disertasi/tesis pelajar versi akhir yang telah lengkap dan mengikut kriteria dalam bentuk salinan lembut kepada Perpustakaan UKM melalui e-mel **tesispts1@ukm.edu.my**
- ii) Fail tesis/disertasi adalah dalam satu (1) fail PDF sahaja.
- iii) **BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS SELEPAS PEMBETULAN (UKM-SPKPPP - PT(PDP) - 05 - AK04 - B007) - G. PERAKUAN TESIS SARJANA/ DOKTOR FALSAFAH** berbentuk PDF digabungkan bersama fail tesis dan diletakkan di halaman pertama.
- iv) Urus Setia Siswazah Fakulti/Institut perlu menyerahkan satu (1) tesis/disertasi menggunakan satu (1) e-mel bertajuk **nama singkatan Fakulti/Institut_no matrik pelajar_nama pelajar** (Contoh: FSSK_P12345_KASIM SELAMAT)
- v) Perpustakaan UKM akan memulangkan tesis/disertasi yang tidak memenuhi garis panduan kepada Urus Setia Siswazah Fakulti/Institut.
- vi) Perpustakaan UKM akan mengeluarkan pengesahan penerimaan tesis/disertasi yang memenuhi garis panduan kepada urus setia Siswazah Fakulti/Institut.
- vii) Perpustakaan UKM akan melengkapkan proses pendigitalan kepada fail tesis/disertasi termasuk menyunting, meletakkan tera air (watermark) "Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia", logo UKM pada setiap halaman dokumen, membuat pengecaman

aksara optik (*Optical Character Recognition - OCR*) dan pengecilan saiz fail PDF.

- viii) Perpustakaan UKM akan memuat naik tesis/disertasi versi akhir ke dalam **Repositori Pembelajaran dan Penyelidikan** <https://ptsldigital.ukm.my> atau pelantar lain yang ditentukan dari semasa ke semasa.
- ix) Carta alir penyerahan tesis / disertasi pelajar versi akhir dalam bentuk salinan lembut kepada Perpustakaan UKM di **Lampiran B**

5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

5.1 Pelajar

- i) Bertanggungjawab memastikan tesis/disertasi disediakan mengikut garis panduan dan diserahkan tepat pada waktu yang telah ditetapkan.
- ii) Melengkapkan **Borang dan Senarai Semak Penyerahan Tesis Selepas Pembetulan (UKM-SPKPPP - PT(PDP) - 05 - AK04 - BO07) - G. Perakuan Tesis Sarjana/ Doktor Falsafah** termasuk memilih satu (1) tahap akses yang berkaitan.

5.2 Penyelia

Bertanggungjawab membantu pelajar dalam penyediaan tesis/disertasi dan memastikan tesis/disertasi adalah mematuhi *standard* akademik yang telah ditetapkan.

5.3 Sekretariat Siswazah di Fakulti / Institut

- i) Menerima, mengesahkan dan menyerahkan tesis/disertasi yang telah disemak dan disahkan kepada Perpustakaan UKM.
- ii) Mengesahkan status tahap akses tesis/disertasi dalam **Borang dan Senarai Semak Penyerahan Tesis Selepas Pembetulan (UKM-SPKPPP - PT(PDP) - 05 - AK04 - BO07) - G. Perakuan Tesis Sarjana/ Doktor Falsafah** sebelum diserahkan kepada Perpustakaan UKM.

5.4. Perpustakaan UKM

- i) Mengurus sistem repositori dan memastikan proses penerimaan tesis/disertasi dilakukan dengan cekap.
- ii) Menyediakan mekanisme untuk menilai pematuhan kepada piawaian penyerahan tesis/disertasi.

- iii) Menyediakan garis panduan berkaitan metadata, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan digital untuk jangka masa panjang.

5.5. Pusat Teknologi Maklumat UKM

- i) Menyediakan infrastruktur teknikal termasuk tetapi tidak terhad kepada pelayan dan jaringan, serta memastikan keselamatan data dalam repositori tesis/disertasi,
- ii) Mengurus integrasi repositori dengan sistem universiti dan memastikan aplikasi serta perisian repositori berfungsi dengan baik.
- iii) Memberikan sokongan teknikal dan memastikan repositori mematuhi piawaian untuk akses dan pertukaran data.

5.6. Fakulti / Institut UKM

Memantau proses penyerahan tesis/disertasi untuk memastikan ia mematuhi dasar/peraturan/garis panduan Universiti yang terpakai dari semasa ke semasa.

6.0 PEMANTAUAN

Perpustakaan UKM akan mengkaji dan memantau proses penyerahan tesis/disertasi dari semasa ke semasa untuk memastikan kepatuhan dan keberkesanan garis panduan ini.

7.0 PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN

- i) Garis panduan ini akan dikaji semula dalam tempoh 3 hingga 5 tahun atau mengikut keperluan semasa
- ii) Maklum balas dari pelajar dan fakulti akan diambil kira untuk penambahbaikan garis panduan dan proses penyerahan tesis/disertasi.

8.0 KELULUSAN DAN KUATKUASA

Garis Panduan Penyerahan Tesis/Disertasi Pelajar Dalam Bentuk Salinan Lembut Kepada Perpustakaan UKM diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) ke-305 pada 10 September 2025 dan Mesyuarat Senat ke-524 bertarikh 29 Oktober 2025. Garis Panduan ini akan berkuat kuasa pada 27 Januari 2026.

9.0 SUMBER RUJUKAN

Pelaksanaan Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada :

- i) Akta Hak Cipta 1987
- ii) Akta Rahsia Rasmi 1972
- iii) Dasar Harta Intelekt UKM 2018
- iv) Dasar Harta Intelekt Pelajar UKM (Tambahan) 2012
- v) Peraturan Pelajar Siswazah UKM
- vi) Garis Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM
- vii) Dasar/peraturan/garis panduan UKM lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN FORM AND CHECKLIST OF AMENDED THESIS/DISSERTATION SUBMISSION		

SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/ DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN

Bil. No	Perkara / Items	Senarai Semak (√) Check List
1.	Mematuhi Panduan Menulis Tesis Gaya UKM (Sila layari https://www.ukm.my/akademik/pelajar-pascasiswazah/) <i>Comply with the UKM Style Guide.</i> (Please visit https://www.ukm.my/akademik/pelajar-pascasiswazah/)	
2.	Borang Perakuan Tesis / Disertasi Sarjana / Doktor Falsafah dimasukkan bersama tesis akhir dalam bentuk salinan lembut <i>Insert the Certification of Master's/ Doctoral Thesis/ Dissertation with the final thesis/dissertation in soft copy form.</i>	
3.	Menyerahkan salinan tesis / disertasi versi akhir (salinan lembut) kepada Fakulti / Institut dan Perpustakaan mengikut keperluan masing-masing <i>Submit the final version of the thesis/ dissertation (soft copy) to the Faculty/Institute and Library according to their respective requirements.</i>	
4.	Menyerahkan salinan tesis / disertasi versi akhir kepada semua penyelia <i>Submit a copy of the final version of the thesis/ dissertation to all supervisors.</i>	
5.	Menyerahkan salinan syarat penerbitan <i>Submit the proof of publication requirements.</i>	

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN FORM AND CHECKLIST OF AMENDED THESIS/DISSERTATION SUBMISSION		

**BORANG PENYERAHAN TESIS/DISERTASI YANG TELAH DIBUAT PEMBETULAN
AMENDED THESIS/ DISSERTATION SUBMISSION**

A. MAKLUMAT PELAJAR (STUDENT DETAILS)		
Nama <i>Name</i>		
No. Pendaftaran <i>Registration No.</i>		
Jabatan <i>Department</i>		
Fakulti / Institut <i>Faculty / Institute</i>		
Program Pengajian <i>Program of Study</i>	Sarjana (Master) ☐	Doktor Falsafah (Doctor of Philosophy) ☐
Alamat: <i>Address</i>		
E-mel/ <i>Email</i> :	No. Telefon/ <i>Tel. No</i> :	
B. MAKLUMAT TESIS / DISERTASI (THESIS / DISSERTATION DETAILS)		
Tajuk Tesis/ <i>Disertasi</i> (Thesis / <i>Dissertation</i> Title):		
Tandatangan: <i>Signature</i>	Tarikh: <i>Date</i>	
C. PERAKUAN PENYELIA DAN PEMERIKSA DALAM ** (APPROVAL FROM SUPERVISORS AND INTERNAL EXAMINER) **		
Nama: <i>Name</i>	Tandatangan: <i>Signature</i>	
(Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)		

	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN FORM AND CHECKLIST OF AMENDED THESIS/DISSERTATION SUBMISSION		

(Main Supervisor/ Chairperson of The Supervisory Committee)	
Nama/Name: (Penyelia Bersama / Ahli Jawatankuasa Penyeliaan) (Co-Supervisor/ Member of Supervisory Committee)	Tandatangan: <i>Signature</i>
Nama/Name: (Ahli Jawatankuasa Penyeliaan / Member of Supervisory Committee)	Tandatangan: <i>Signature</i>
Nama/Name: (Pemeriksa Dalam / Internal Examiner)	Tandatangan: <i>Signature</i>
**Potong yang tidak berkenaan / Delete where not appropriate	
D. PENGESAHAN FORMAT TESIS/DISERTASI / CONFIRMATION OF THESIS/DISSERTATION FORMAT COMPLIANCE	
Disahkan bahawa format tesis/disertasi adalah mengikut Gaya UKM dan calon dibenarkan menyerahkan tesis/disertasi dalam bentuk salinan lembut. <i>This is to confirm that the thesis/dissertation format complies with the UKM Style Guide and is approved for submission in soft copy form.</i>	
Tandatangan: (Penyelia Utama / Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan) (Main Supervisor/ Chairperson of The Supervisory Committee)	Tarikh: <i>Date</i>
E. PERAKUAN KETUA JABATAN / KETUA PROGRAM / PENERUSI PUSAT PENGAJIAN APPROVAL FROM HEAD OF DEPARTMENT / HEAD OF PROGRAM / SCHOOL CHAIRPERSON	
Tandatangan: <i>Signature</i> Nama dan Cap Rasmi: <i>Name and Official Stamp</i>	Tarikh: <i>Date</i>

	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN FORM AND CHECKLIST OF AMENDED THESIS/DISSERTATION SUBMISSION		

F. KELULUSAN DEKAN/PENGARAH / APPROVAL FROM DEAN/DIRECTOR			
Tandatangan: <i>Signature</i>		Tarikh: <i>Date</i>	
Nama dan Cap Rasmi: <i>Name and Official Stamp</i>			
G. PERAKUAN TESIS/ DISERTASI SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (CERTIFICATION OF MASTER'S / DOCTORAL THESIS / DISSERTATION)			
Nama penuh pengarang (Author's Full Name)			
No. Pendaftaran Pelajar (Student's Registration No.)		Sesi Akademik (Academic Session)	
Tajuk Tesis / Disertasi (Thesis / Dissertation Title)			
Semua tesis/disertasi dan penerbitan berkaitan hasil penyelidikan pelajar adalah tertakluk kepada Dasar Harta Intelek Universiti Kebangsaan Malaysia. <i>All theses/ dissertations and publications relating to the research work of a student are subject to the Intellectual Property Policy of Universiti Kebangsaan Malaysia.</i> Saya mengaku bahawa tahap akses tesis/disertasi ini sebagai (*Tandakan ✓ dalam kotak bagi maklumat yang berkaitan; tandakan satu (1) kotak di bawah sahaja): <i>I hereby declare the level of access for this thesis/dissertation as follows (tick ✓ the relevant box below; tick only one option).</i>			
Pilihan Tahap Akses Access Level Selection		Tafsiran Tahap Akses Tesis/Disertasi Definition of Thesis/Dissertation Access Level	
☐	RAHSIA (CONFIDENTIAL)	Mengandungi maklumat rahsia sepertimana yang diperuntukan bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains classified information as stipulated under the Official Secrets Act 1972.</i>	
☐	TERHAD (RESTRICTED)	Mengandungi maklumat yang hanya boleh diakses oleh pihak yang mempunyai kebenaran atau keperluan tertentu untuk mengetahuinya yang ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan. <i>Contains information that may only be accessed by parties with specific authorization</i>	

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKPPP-PT(PdP)-05-AK04-BO07	No. Semakan: 02	Tarikh Kuat Kuasa: 27/01/2026
	BORANG DAN SENARAI SEMAK PENYERAHAN TESIS/DISERTASI SELEPAS PEMBETULAN FORM AND CHECKLIST OF AMENDED THESIS/DISSERTATION SUBMISSION		

		<i>or a defined need to know, as determined by the organization or body where the research is conducted.</i>
☐	AKSES TERBUKA (OPEN ACCESS)	Tesis/disertasi versi akhir dalam format PDF yang boleh diakses secara percuma secara dalam talian dan bebas dari isu hak cipta dan pelesenan <i>The final version of the thesis/dissertation in PDF format that is freely accessible online and free from copyright and licensing issues.</i> Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat bertarikh 27 Mac 2025 memutuskan bahawa kebenaran akses tesis / disertasi dalam borang serahan akses terbuka ditentukan oleh penyelia (bukan pelajar). <i>The Ministry of Higher Education, through a letter dated 27 March 2025, has decided that permission for thesis / dissertation access in the open access submission form shall be determined by the supervisor (not the student).</i>
☐	EMBARGO	Tempoh masa di mana akses kepada tesis/disertasi disekat (ditutup) selama dua (2) tahun atas sebab-sebab tertentu sebagai contoh kerahsiaan atau hak cipta. Tesis/disertasi akan berstatus akses terbuka selepas tamat tempoh embargo. <i>The period during which access to the thesis/dissertation is restricted for two (2) years due to specific reasons, such as confidentiality or copyright. The thesis/dissertation will be granted open-access status upon the expiry of the embargo period.</i>

PENGESAHAN PELAJAR (STUDENT VERIFICATION)	PENGESAHAN PENYELIA (SUPERVISOR VERIFICATION)
TANDATANGAN PELAJAR (STUDENT'S SIGNATURE)	TANDATANGAN PENYELIA / Pengerusi JK SISWAZAH (SUPERVISOR'S / CHAIRPERSON SUPERVISION COMMITTEE SIGNATURE)
Nama Pelajar (<i>Student name</i>): No. Pendaftaran Pelajar (<i>Student's Registration No.</i>) Tarikh: (<i>Date</i>)	Nama Penyelia / Pengerusi JK Siswazah : (<i>Supervisor's / Chairperson Supervision Committee Name</i>) Tarikh: (<i>Date</i>)

CARTA ALIR PROSES PENYERAHAN TESIS / DISERTASI PELAJAR DALAM BENTUK SALINAN LEMBUT KEPADA PERPUSTAKAAN UKM